



UTM
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

FACULTY OF SOCIAL SCIENCES AND
HUMANITIES

UHMS 1182 (PENGHAYATAN ETIKA DAN PERADABAN)

SEMESTER 1, 2020/2021

SECTION 29

TUGASAN KUMPULAN 1

TAJUK TUGASAN : ETIKA HUBUNGAN ANTARA KAUM DI MALAYSIA

AHLI KUMPULAN:

NAMA	NO. MATRIK
1. TAN YONG SHENG	A20EC0157
2. ADAM WAFII BIN AZUAR	A20EC0003
3. CHLOE RAQUELMAE KENNDY	A20EC0026
4. LUQMAN ARIFF BIN NOOR AZHAR	A20EC0202
5. MYZA NAZIFA BINTI NAZR	A20EC0219
6. ONG HAN WAH	A20EC0129

DISERAHKAN KEPADA:

DR. FAIZAH MOHD FAKHRUDDIN

SKEMA PERMARKAHAN (DIISI OLEH PENSYARAH)

KRITERIA	MARKAH
Pengenalan	/5
ISI KANDUNGAN	/15
KESIMPULAN	/5
RUJUKAN	/5
JUMLAH	/30

ISI KANDUNGAN

ISI KANDUNGAN	HALAMAN
1.0 PENGENALAN	1
2.0 OBJEKTIF KAJIAN	2
3.0 PERSOALAN KAJIAN	2
4.0 KEPENTINGAN KAJIAN	3
5.0 KAJIAN LEPAS	4-5
6.0 METODOLOGI KAJIAN	6
7.0 DAPATAN KAJIAN & PERBINCANGAN	7-39
8.0 KESIMPULAN	40
9.0 RUJUKAN	41-43
LAMPIRAN	44-46

1.0 PENGENALAN

Malaysia merupakan antara negara di dunia yang mempunyai berbilang kaum. Malah, ia juga menjadi suatu kebanggaan bagi rakyatnya sedangkan wujud perbezaan antara satu sama lain. Namun, perbezaan ini tetap diraikan serta dijaga dengan rapi sejak tanah air kita dimerdekakan iaitu selama 63 tahun. Kumpulan terbesar rakyat Malaysia terdiri daripada tiga kaum utama iaitu Melayu, Cina, India serta kumpulan etnik Sabah, Sarawak dan Orang Asli. Walaupun telah wujud bersama sepanjang pertubuhan negara ini, tidak dapat dinafikan masih wujud unsur – unsur rasisme atau ketegangan antara kaum sejak kebelakangan ini. Lebih membimbangkan lagi adalah masalah ini semakin serius hari demi hari.

Pada 12 November 2020, YB P Ramasamy mempersoalkan mengapa 29 lelaki India ditahan oleh polis sedangkan telah dibuktikan di mahkamah bahawa mereka tidak bersalah dan tidak terlibat dengan jenayah yang dituduh. Hal tersebut menjadi lebih membimbangkan apabila pihak polis mempertahankan tindakan mereka untuk menahan individu – individu tersebut. Tercetus kemarahan rakyat apabila tular video menunjukkan pihak polis bertindak kasar kepada individu tersebut walaupun mereka tidak melawan dan sudahpun dibuktikan tidak bersalah.

Kaum India merupakan antara kaum yang paling teruk mengalami diskriminasi kaum namun masih ramai yang mempertikaikan perkara ini. Sekiranya kita tidak cakna bahawa perkara ini adalah satu masalah besar dalam masyarakat kita maka kita jugalah antara punca perkara tersebut berlaku pada asalnya. Demi memastikan kesejahteraan masyarakat dan untuk mengelakkan perkara sebegini berlaku dalam masa hadapan, kita sebagai rakyat Malaysia haruslah bersatu untuk menjamin perdamaian kaum untuk abad – abad yang akan datang. Oleh hal demikian, kami dari Kumpulan 1 telah menjalankan penyelidikan tentang etika dalam hubungan antara kaum di Malaysia supaya kami dapat mengenal pasti punca berlakunya isu ini serta jalan penyelesaian agar hal ini tidak berleluasa.

2.0 OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ini adalah:

1. Mengetahui masalah etika antara kaum.
2. Mengetahui manfaat etika dalam pergaulan antara kaum.
3. Mengetahui cara membentuk masyarakat yang harmoni.

3.0 PERSOALAN KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk menjawab persoalan berikut:

1. Apakah masalah etika antara kaum?
2. Apakah manfaat etika dalam pergaulan antara kaum?
3. Bagaimanakah cara membentuk masyarakat yang harmoni.

4.0 KEPENTINGAN KAJIAN

Perdamaian kaum merupakan langkah pertama untuk mencapai perpaduan rakyat negara ini. Tanpa perpaduan rakyat maka semestinya mundur negara tersebut kerana mereka tidak boleh serta tidak berkeinginan untuk bertindak sebagai satu. Seperti perumpamaan “Bersatu kita teguh, bercerai kita roboh” telah pun menyatakan akibat jika kita sebagai rakyat Malaysia tidak menjalin satu ikatan dan pada masa yang sama menekankan keperluan untuk menyatu padu.

Tujuan utama kajian ini dijalankan untuk cuba memahami keperluan etika dalam hubungan antara kaum di Malaysia. Selain itu, mengetahui asalnya masalah ini turut bersama maklum balas dan pendapat orang ramai tanpa mengira kaum tentang hal ini. Pandangan orang ramai diambil kira kerana keamanan kaum serta perbalahan kaum berpunca dari golongan ini. Jadi, pendapat mereka berkait secara langsung dengan keadaan perkauman di negara ini. Oleh hal demikian, kami dari Kumpulan 1 beranggapan bahawa kajian ini amatlah penting terutamanya dalam segi sosial dan berharap agar penyelidikan ini dapat membantu sedikit sebanyak dalam penyelesaian masalah ini sebelum berlanjutan.

Dalam kajian ini kami mengutamakan masalah etika dalam kaum, manfaat etika dalam pergaulan antara kaum dan cara membentuk masyarakat yang harmoni. Dengan mementingkan tiga perkara tersebut kami akan mendapat tahu apa isu utama dalam kaum dari aspek etika, keperluan untuk wujudnya etika semasa bergaul bersama kaum lain dan akhir sekali bagaimana untuk sesebuah masyarakat tersebut untuk memperoleh keharmonian terutamanya antara kaum.

5.0 KAJIAN LEPAS

Melalui satu hasil kajian lepas yang dijalankan oleh beberapa orang pensyarah daripada Universiti Utara Malaysia (UUM) di Sekolah Pembangunan Sosial. Borang soal selidik dibahagikan kepada pelajar Program Ijazah Sarjana Muda yang berada pada semester 5 ke atas. Kajian mendapati bahawa tahap suasan atau iklim interaksi antara kaum di kawansan universiti adalah cenderung lebih kepada skala yang positif. Hasil kajian ini juga mendapati, hanya 1% sahaja daripada responden yang menyatakan ketidakselesaan berinteraksi antara kaum di dalam kawasan universiti. Berbanding dengan 40% yang menyatakan bahawa mereka selesa berinteraksi antara kaum dan bakinya 59% berada pada tahap yang sederhana. Kajian ini juga menunjukkan majoriti responden berasa selesa apabila berinteraksi antara kaum kecuali membincangkan tentang isu perkauman atau tinggal sebumbung dengan berlainan kaum.

Selain itu, satu kajian yang telah dijalankan oleh Penyelidikan Pembangunan Sosial di Malaysia menekan bahawa kepelbagaian kaum di Malaysia ini memerlukan satu pendekatan yang membenarkan semua etnik/kaum di Malaysia dapat bersama-sama berusaha untuk memakmurkan negara tanpa ada perasan dengki dan tidak selamat. Kajian ini juga mendapati, bahawa interaksi antara kaum dalam kalangan pelajar adalah sangat penting bagi mencorakkan tahap hubungan antara kaum pada masa hadapan. Di samping itu, pergaulan antar kaum dalam kalangan pelajar dapat meningkatkan kualiti seseorang individu dengan penglibatan dalam aktiviti berkumpulan. Tambahan pula, kajian ini juga menegaskan bahawa penguasaan bahasa akan memainkan peranan yang sangat penting untuk menguatkan hubungan antara kaum. Bahasa yang sama dituturkan akan mewujudkan satu suasana yang selesa untuk berinteraksi antara kaum.

Sehubungan dengan itu, hubungan antara kaum ini merupakan suatu perkara yang signifikan kepada masyarakat Malaysia kerana Malaysia merupakan negara yang berbilang kaum. Akan tetapi, jika dilihat daripada aspek kajian, sangat sedikit kajian yang dilakukan untuk mengkaji tentang isu hubungan antara kaum di Malaysia. Bilangan kajian yang dijalankan tidak seiring dengan nilai kepentingan isu hubungan antara kaum yang dinyatakan. Bukan itu sahaja, bilangan kajian mengenai etnik Melayu dan Islam lebih banyak berbanding kajian mengenai etnik atau agama lain. Masyarakat Malaysia kurang didedahkan dengan perkara ini sejak dari peringkat

sekolah rendah sehingga ke peringkat universiti, Kelemahan ini akan memberi satu impak yang tidak diingini pada masa hadapan.

Seterusnya, kajian yang dijalankan oleh Jawatankuasa Mempromosikan Persefahaman dan Keharmonian Antara Penganut Agama (JKMPKA) menyatakan bahawa masalah hubungan antara agama/ kaum mampu memberi satu impak yang buruk untuk mencapai misi memajukan negara. Peranan media yang memaparkan isu-isu sensitiviti agama merisaukan beberapa pihak kerana impak media ini mampu membentuk satu stereotaip yang buruk antara kaum/ agama. Imej yang dilabelkan kepada sesuatu agama seperti ganas dan ekstrim juga melemahkan hubungan antara agama/ kaum. Kajian ini mendapati kebanyakan responden mempunyai pemahaman asas tentang agama sendiri dan agama lain, serta majoriti responden juga mempunyai persepsi yang baik antara agama/ kaum. Hal ini menunjukkan bahawa rakyat Malaysia tidak mempunyai stereotaip yang buruk terhadap agama lain.

Daripada hasil kajian yang dijalankan oleh beberapa pihak dapat dirumuskan, umumnya menunjukkan majoriti rakyat Malaysia berasa selesa berinteraksi antara kaum lain. Ramai berpendapat bahawa hidup bersama berlainan kaum/ etnik bukanlah satu masalah tetapi adalah satu anugerah.

6.0 METODOLOGI KAJIAN


Kajian yang dijalankan ini adalah bertujuan untuk mengetahui etika hubungan antara kaum di Malaysia. Pengumpulan data primer melalui borang kaji selidik digunakan bagi mengumpul data secara kuantitatif. Borang kaji selidik ini mempunyai 9 soalan dalam bentuk skala likert. Sasaran awal bagi kajian ini adalah untuk mendapatkan 100 responden daripada seluruh Malaysia untuk mengisi borang soal selidik ini tetapi sebanyak 120 responden berjaya direkodkan. Borang kaji selidik disebarikan melalui media sosial selama 7 hari. Data-data yang diperolehi disimpan dalam bentuk graf bar dan carta pai serta dianalisis secara analisi diskriptif.

7.0 DAPATAN DAN PERBINCANGAN KAJIAN

Kepelbagaian etnik dan budaya di negara Malaysia merupakan salah satu keistimewaan di mata dunia. Sikap dan perilaku sebagai seorang rakyat Malaysia memainkan peranan yang penting dalam kehidupan seharian. Hal ini demikian kerana kemakmuran hidup sesebuah negara mencerminkan imej serta kemajuan negara. Bukan itu sahaja, Perdana Menteri Malaysia ke-7, Tun Dr Mahathir bin Mohamad pernah berkata, “Bangsa yang berjaya ialah bangsa yang rajin dan sanggup menghadapi cabaran hidup”. Oleh itu, adalah penting untuk setiap anggota masyarakat mengamalkan etika yang baik antara kaum demi perpaduan dan kesejahteraan negara. Kajian ini telah dilaksanakan untuk menganalisis pengetahuan masyarakat tentang etika hubungan antara kaum di Malaysia.

7.1 BAHAGIAN A: LATAR BELAKANG RESPONDEN


Menerusi soal selidik ini, kami berjaya menerima sebanyak 120 maklum balas dan mengumpul maklumat yang diperlukan. Maklumat biodata responden yang meliputi aspek jantina, agama, bangsa dan umur. Informasi berikut dapat dirujuk dalam bentuk rajah.



Rajah 1

Rajah 1 memaparkan peratusan jantina, iaitu lelaki dan perempuan daripada 120 orang responden. Seramai 95 orang (79.2%) responden adalah responden perempuan dan selebihnya adalah responden lelaki iaitu 25 orang (20.8%).


Dapatan ini menunjukkan perbezaan jurang yang agak besar di mana kebanyakan responden adalah perempuan. Namun begitu, dalam satu data anggaran penduduk semasa Malaysia 2020 daripada Jabatan Perangkaan Malaysia, jantina lelaki (16.8 juta) adalah lebih ramai daripada wanita (15.9 juta) yang membawa kepada nisbah 106 orang lelaki bagi 100 orang wanita (Mahidin, 2020). Ini menandakan bahawa golongan wanita lebih sudi untuk berkongsi pendapat dan persepsi mereka dalam isu berkaitan dengan etika hubungan antara kaum di Malaysia.



Rajah 2

Berdasarkan rajah 2, hasil soal selidik ini mendapati bahawa 57 orang (47.5%) responden terdiri daripada agama Islam manakala responden yang beragama Buddha dan Kristian mempunyai jumlah yang sama, iaitu 28 orang (23.3%) responden. Selain itu, agama Hindu dan Sikh masing-masing terdapat 2 orang (1.7%) responden sementara 3 lagi responden (2.5%) tidak menganut agama.


Tinjauan ini memberitahu bahawa majoriti responden beragama Islam dan agama Islam merupakan agama Persekutuan bagi masyarakat Malaysia sejak abad ke-13 lagi. Namun begitu, agama-agama lain boleh diamalkan dengan aman dan damai di mana-mana bahagian Persekutuan (Perkara 3(1)) (Latif, 2008). Perkara ini juga mampu membuktikan bahawa Malaysia mengamalkan toleransi dan kebebasan beragama. Hal ini demikian kerana masyarakat Malaysia dapat hidup secara harmoni dan kemajmukan ini menjadikan Malaysia sebuah negara yang sering dicontohi oleh masyarakat antarabangsa (Baharuddin, 2013/2014).



Rajah 3

Merujuk kepada rajah 3, responden yang berbangsa Melayu mencatat jumlah yang paling tinggi, iaitu 55 orang (45.8%) dan responden yang berbangsa Cina pula adalah 39 orang (32.5%). Selebihnya merangkumi 3 orang berbangsa India (3.3%), seorang berbangsa Sikh (0.8%), 6 orang bumiputera Sabah (4%): Kadazan, Dusun, Bisaya, 15 orang bumiputera Sarawak (12.8%): Bidayah, Kelabit, Iban, Lun Bawang dan seorang responden (0.8%) yang berbangsa Anglo-saxon.

Hasil kajian ini memaparkan kebelbagaian bangsa dan etnik di Malaysia dan majoriti rakyat Malaysia adalah berbangsa Melayu. Statistik Jabatan Anggaran Malaysia (Mahidin, 2020) juga menyatakan bahawa daripada 29.7 juta penduduk warganegara, komposisi penduduk Bumiputera mencatatkan 69.6% pada 2020. Walaupun Malaysia mempunyai bangsa dan budaya yang berbeza, rakyat Malaysia tetap menerima keunikan etnik lain dan saling memahami di mana perpaduan kaum dapat dipupuk dalam kalangan masyarakat.



Rajah 4

Rajah 4 menunjukkan taburan umur responden yang telah dikategorikan dalam 5 golongan; 11-20 tahun, 21-30 tahun, 31-40 tahun, 41-50 tahun dan 51 tahun ke atas. Responden paling ramai merupakan golongan umur antara 11-20 tahun, iaitu seramai 88 orang (73.3%) responden, diikuti dengan 30 orang (25%) responden yang berumur 21-30 tahun. Seterusnya, golongan umur 41-50 tahun dan 51 tahun ke atas masing-masing terdapat seorang responden (0.8%), manakala tiada responden yang berumur 31-40 tahun.

Seperti yang dapat dilihat dari respond di atas, responden dari umur 11-20 tahun merupakan majoriti yang beserta dalam soal selidik ini. Responden yang terdiri daripada usia berbeza ini dapat menyumbang kepada kajian kita untuk mengumpul data dan pandangan dari setiap lapisan masyarakat. Di samping itu, golongan muda ini juga menunjukkan bahawa mereka lebih mahir dan giat dalam penggunaan teknologi berbanding golongan dewasa yang kurang mempunyai pendedahan berkaitan teknologi dan media sosial.

Secara keseluruhan, 120 orang responden dalam kajian ini kebanyakan merupakan golongan perempuan Melayu yang beragama Islam di antara 11-20 tahun.

7.2 BAHAGIAN B: MASALAH ETIKA ANTARA KAUM

Bahagian B mengandungi 4 soalan seperti di bawah:

1. Adakah anda berasa selesa semasa berkomunikasi dengan kaum lain?
2. Adakan anda mempunyai tahap pengetahuan yang tinggi terhadap agama dan budaya lain?
3. Adakan anda berminat untuk berkawan dengan orang yang berlainan bangsa dan kaum dengan anda?
4. Apakah contoh situasi yang pernah anda alami atau orang sekeliling anda pernah alami akibat masalah etika antara kaum?



Rajah 5

Berdasarkan rajah 5, responden telah menjawab soalan “Adakah anda berasa selesa semasa berkomunikasi dengan kaum lain?” Maklumat yang diterima melalui soal selidik ini mendapati bahawa 58 orang (48.3%) responden sangat setuju bahawa mereka berasa selesa semasa berkomunikasi dengan kaum lain. Sementara itu, 54 orang (45%) responden setuju, 4 orang (3.3%) responden kurang pasti, 2 orang (1.7%) responden tidak pasti dan 2 orang (1.7%) responden sangat tidak pasti dengan persoalan ini.

Keputusan di atas dapat dirumuskan bahawa ramai responden berada pada tahap keselesaan yang tinggi semasa berkomunikasi dengan kaum berbeza. Mereka

dapat mengeluarkan pandangan dan fikiran dengan selesa semasa membuat perbincangan. Misalnya, pelajar-pelajar di UTM yang berlainan bangsa dapat berkongsi idea serta pendapat masing-masing dan bekerjasama semasa membuat tugas berkumpul tanpa mengira kaum. Walau bagaimana pun, terdapat segelintir responden yang berasa tidak selesa semasa berinteraksi dengan kaum lain. Hasil ini tidak mengejutkan kerana tahap keselesaan setiap individu semasa berkomunikasi adalah berbeza. (Oon, 2012) Ini demikian kerana terdapat ramai orang yang pemalu. Mereka lebih suka ditegur terlebih dahulu. Bukan itu sahaja, terdapat masyarakat yang lebih cenderung untuk berinteraksi dengan kelompok kaum sendiri. Oleh itu, kita harus menggalakkan mereka supaya cuba mulakan langkah pertama dan membiasakannya. Dengan ini, perasaan malu akan berkurangan dan hilang semasa bergaul dengan orang lain



Rajah 6

Maklum balas daripada 120 responden mengenai soalan “Adakan anda mempunyai tahap pengetahuan yang tinggi terhadap agama dan budaya lain?” telah diterima dan hasilnya adalah seperti yang ditunjukkan di rajah 6. Kajian ini didapati bahawa seramai 60 orang (50%) responden menjawab bahawa mereka tidak pasti mempunyai tahap pengetahuan yang tinggi terhadap agama dan budaya lain. 44 orang (36.7%) responden pula menjawab setuju. Seterusnya, 9 orang responden lagi sangat

setuju dengan persoalan ini, 6 orang responden tidak setuju dan seorang responden telah memilih jawapan sangat tidak setuju.

Hasil dapatan kajian ini menunjukkan bahawa lebih daripada separuh responden tidak mengenali agama dan budaya lain dengan mendalam. Hanya segelintir masyarakat yang mempunyai tahap pengetahuan yang tinggi terhadap agama dan budaya lain. Perkara ini berlaku atas punca masyarakat bersikap kurang sensitif terhadap kepelbagaian budaya di Malaysia. Bukan itu sahaja, seiring dengan perkembangan negara, ramai golongan muda kini telah melupakan adat resam mereka dan mengikuti cara hidup moden. Hal ini berlaku kerana mereka menganggap budaya lama tidak lagi penting dan kepedulian untuk memartabatkan budaya kurang terbenam di generasi kini. Timbalan Ketua Menteri merangkap Menteri Pembangunan Infrastruktur Huguan Siou Tan Sri Joseph Pairin Kitingan berkata, "Mewarisi tradisi kaum terdahulu kita bukan bermakna kita masih berada di tampuk yang lama. Tetapi kita seharusnya perlu berbangga dengan kebudayaan kaum sendiri yang mampu mengangkat kita bersama dalam membangunkan negara Malaysia yang makmur," (Edris, 2020). Pendek kata, kita harus berusaha untuk mengambil tahu dan berkongsi budaya dengan orang sekeliling




Rajah 7

Keputusan dalam rajah 7 menyatakan “Adakan anda berminat untuk berkawan dengan orang yang berlainan bangsa dan kaum dengan anda?” sebanyak 81 orang

(67.5%) responden membuat pilihan sangat setuju, 34 orang responden pula setuju dengan soalan ini. Manakala pilihan kurang pasti dan tidak setuju masing-masing dipilih oleh seorang responden (0.8%), 3 orang responden pula sangat tidak setuju dengan soalan ini.

Tinjauan ini telah mendapat penerimaan yang sangat positif dari responden di mana ramai responden berminat untuk berkawan dengan orang yang berlainan bangsa dan kaum. Keputusan ini amat mengembirakan kerana rakyat Malaysia bersikap terbuka dan dapat menerima keunikan bangsa lain dan sudi untuk berkawan. Sebagai contoh, pelajar-pelajar di UTM dapat berkongsi bilik di asrama tanpa mengira kaum. Artikel KHAS (Rajak, 2019) juga menyatakan bahawa mereka percaya semua orang boleh bersahabat walaupun berbeza kaum tanpa sebarang prejudis terhadap warna kulit dengan membuang jauh sifat prasangka buruk. Semuanya bermula dengan niat. Kontradiksinya, masih terdapat responden yang tidak berminat untuk membina persahabatan dengan kaum lain. Perbincangan terhadap keputusan ini adalah responden tersebut mungkin bersifat sensitif dan berasa susah untuk bergaul dengan silang etnik. Situasi begini tentu akan menjadi batas untuk mereka bersahabat di luar lingkungan pergaulan. Oleh itu, merujuk (Sallehudin, 2013), kita perlu memberikan mereka masa untuk menyesuaikan diri dalam suasana yang baru dan tegur mereka secara berhemah.

4. Apakah contoh situasi yang pernah anda alami atau orang sekeliling anda pernah alami akibat masalah etika antara kaum?



Rajah 8

Kajian di atas merupakan situasi yang responden atau orang sekeliling pernah alami akibat masalah etika antara kaum. Berdasarkan situasi yang pertama iaitu dibuli oleh orang sekeliling, seramai 51 responden (43%) memilih sangat tidak setuju, 28 responden (23%) memilih tidak setuju, 20 responden (17%) memilih kurang pasti, 17 responden (14%) memilih setuju dan 4 responden (3%) yang memilih sangat setuju. Menurut statistik yang dikeluarkan oleh Polis Diraja Malaysia, jumlah kes buli telah meningkat dari tahun 2000 (1217) ke tahun 2006 (2431). Pada 11 November, SSMD telah mengeluarkan report menyatakan bahawa hanya 0.04% pelajar yang terlibat dalam kes buli berbanding dengan 2019 yang melibatkan 0.12% pelajar. Sebanyak 66% responden yang tidak setuju dengan situasi tersebut. Hal ini kerana berlakunya kes pandemic COVID 19 telah menyebabkan semua sekolah menagguhkan kelas selama 4 bulan serta menggunakan kaedah *e-learning* untuk teruskan pembelajaran. Walau bagaimanapun masih ada 17% responden yang pernah mengalami kes buli dan berasa kes buli merupakan faktor menyebabkan masalah etika antara kaum. Bagi 17% responden yang kurang pasti mungkin kerana kawasan pembelajaran mereka tidak pernah berlakunya kes buli atau tiada kesedaran tentang kes berikut.

Berdasarkan rajah 8 di atas, situasi yang kedua adalah dipandang rendah oleh kaum lain. Menurut statistik yang didapati daripada kajian kita, 28 responden (23%) telah memilih sangat tidak setuju, 25 responden (21%) memilih tidak setuju, 30 responden (25%) memilih kurang pasti, 28 responden (23%) memilih setuju dan 9 responden (8%) memilih sangat setuju. Bagi situasi ini statistik data bagi semua pilihan adalah lebih kurang sama tetapi paling banyak yang memilih kurang pasti. Berbanding dengan situasi yang lain, situasi tersebut terdiri terbanyak responden yang pilih sangat setuju. Hal ini mungkin kerana kaum atau kumpulan minoriti tidak dapat bantuan yang lebih istimewa daripada kumpulan yang lain. Sebanyak 31% yang kurang dari separuh memilih kategori setuju kerana mereka rasa ini merupakan faktor yang paling penting dalam menyebabkan masalah etika antara kaum. Bagi responden yang telah memilih kurang pasti menunjukkan mereka tidak tahu kesan yang akan menyumbang masalah etika antara kaum jika berlakunya situasi tersebut.

Berdasarkan situasi yang ketiga ditindas oleh orang sekeliling, sebanyak 43 responden (36%) memilih sangat tidak setuju, 31 responden (26%) telah memilih tidak setuju, 20 responden (17%) yang memilih kurang pasti bahawa 23 responden (19%) memilih setuju dan 3 responden (3%) memilih sangat setuju. Seramai 62% responden mengambil pilih kategori tidak setuju dengan situasi tersebut kerana kes menindas individu lain jarang berlaku di dalam negara kita. Bagi 21% yang telah memilih kategori setuju hal ini berlaku mungkin disebabkan oleh golongan miskin atau minoriti yang ingin mahukan hak kesamarataan antara kaum serta kebebasan untuk memilik. Terdiri 17% responden tidak pasti tentang situasi tersebut. Walaupun COVID-19 merebak dan membawa impak yang serius kepada negara kita tetapi ia juga mengurangkan kes-kes masalah antara kaum sebab mengurangkan pertemuan bersemuka.

Seterusnya, situasi yang keempat adalah boikot oleh individu lain. Rajah 8 di atas menunjukkan bahawa seramai 46 responden (38%) mengambil pilih sangat tidak setuju dan 24 responden (20%) telah memilih tidak setuju. Boikot merupakan satu perbuatan yang enggan mengadakan perhubungan dengan orang atau organisasi lain. Perbuatan tersebut akan membawa impak yang buruk kepada sesiapa individu yang diboikot oleh orang lain. Ramai yang tidak setuju disebabkan oleh kerajaan pendidikan telah bekerjasama dengan pihak polis untuk sesama mengurangkan kes boikot yang sering berlaku di sekolah atau institusi. Mereka juga mengadakan kempen kesedaran dan memberi ajaran moral yang mendalam kepada pelajar untuk menghindari masalah etika dari berlaku. Selain itu, terdapat 18 responden (15%) yang memilih setuju serta 3 responden (3%) yang memilih sangat setuju. Pendapat kajian kita telah menunjukkan bahawa masih terdapat individu yang sering diboikot oleh orang lain dan sedang menghadapi masalah tersebut. 29 responden (24%) yang memilih kurang pasti menunjukkan bahawa kes boikot jarang berlaku di kawasan responden atau tidak tahu impak kes boikot terhadap masalah etika antara kaum.

Konklusinya, punca masalah etika antara kaum adalah disebabkan oleh kekurangan pengetahuan tentang agama dan budaya lain serta kes pandang rendah kepada kaum lain. Punca yang menyumbangkan perkara sebegini dari berlaku

masyarakat yang tidak ingin membuat kajian tentang budaya lain dan menyebabkan kesalahfahaman. Mereka akan mengeluarkan khayalan seperti kaum lain tidak ingin berkawan dengannya serta berasa mereka sedang berpandang rendah kaumnya. Oleh itu, masalah etika antara kaum sering berlaku.

7.3 BAHAGIAN C : MANFAAT ETIKA DALAM PERGAULAN MASYARAKAT

5-Sangat setuju


4-Setuju

3-Kurang pasti

2-Tidak setuju

1-Sangat tidak setuju

1. Pada pendapat anda, apakah manfaat yang diperolehi individu yang mengamalkan etika dalam pergaulan masyarakat?



Rajah 9

Kajian bahagian C merupakan kajian tentang objektif kedua kita iaitu manfaat etika dalam pergaulan masyarakat. Tajuk bagi rajah 9 adalah manfaat yang dapat diperolehi oleh individu yang mengamalkan etika dalam pergaulan masyarakat.. Berdasarkan pendapat kajian bagi manfaat yang pertama iaitu berkawan dengan individu yang berlainan bangsa dan agama, terdiri 2 responden (2%) yang memilih sangat tidak setuju, 1 responden (1%) yang memilih tidak setuju dan 5 responden (4%) yang memilih kurang pasti. Pendapatan tersebut telah menunjukkan bahawa hanya segelintir responden yang tidak setuju dan memandang remeh tentang mafaat tersebut. 45 responden (38%) telah memilih setuju dan 67 responden (56%) responden mengambil pilih sangat setuju. Menurut kajian tersebut kita boleh mendapat bahawa berkawan dengan individu lainan bangsa dan kaum merupakan satu manfaat yang memainkan peranan yang penting dalam menjaga keharmonian masyarakat. Hal ini kerana negara kita mengandungi individu yang berlainan kaum oleh itu kita perlu berkawan dengan orang lain dengan berkomunikasi dan menjalin hubungan yang baik supaya dapat menjamin masyarakat yang aman dan damai.

Selain itu, manfaat yang kedua berdasarkan rajah 9 adalah mudah dipercayai oleh individu lain. Menurut kajian dapati, terdapat 2 responden (2%) telah memilih sangat tidak setuju dan 5 responden (4%) memilih tidak setuju. Berdasarkan kajian tersubut, graph ini lebih luncur ke kiri. Oleh itu kita boleh dapati bahawa lebih banyak responden rasa manfaat ini kurang penting berbanding dengan kelebihan lain. 19 responden (16%) memilih kurang pasti. Kita boleh mengetahui bahawa lebih ramai responden yang tidak pasti manfaat tersebut boleh membawa faedah kepada sendiri jika mempraktik etika antara kaum. 55 responden (46%) telah memilih setuju dan 39 responden (33%) memilih sangat setuju. Berdasarkan kajian tersebut, lebih banyak responden memilih setuju berbanding dengan sangat setuju. Oleh itu kita boleh dapati manfaat dipercayai oleh orang lain sudah tentu penting tetapi bukan manfaat yang terutama sekali.

Seterusnya, kajian tentang mendapat bantuan ketika menghadapi masalah merupakan manfaat yang ketiga. Seramai 2 responden (2%) memilih sangat tidak setuju dan tidak setuju


masing-masing. Oleh itu kita boleh mendapat bahawa agar kurang responden berasa manfaat ini penting kepada sendiri. Pendapatan ini juga menunjuk bahawa sikap individualistik antara masyarakat kita adalah lebih kurang. Selain itu, 14 responden (12%) telah memilih kurang pasti dan menunjukkan masih ada responden yang tidak pasti tentang kepentingan manfaat tersebut yang akan membawa kepada diri. 54 responden (45%) telah memilih setuju dan 48 responden (40%) memilih sangat setuju. Graph untuk kajian ini juga lebih luncur ke kiri dan ini menunjukkan bahawa manfaat ini bukan manfaat yang agak penting. Berdasarkan kajian tersebut pendapatan bantuan dari orang lain adalah amat penting terutamanya individu sedang menghadapi masalah. Cory Brooker pernah berkata bahawa *“If you want to go fast, go alone. If you want to go far, go together”*. Perkataan beliau telah buktikan bahawa kepentingan sifat bekerjasama dan kerja berkumpulan. Oleh itu jika mengamalkan etika antara kaum individu lain akan membantu kita dengan rela hati.

Selain itu, kajian yang seterusnya adalah meninggalkan tanggapan positif kepada orang lain. Berdasarkan rajah 9, 2 responden (2%) mengambil pilih sangat tidak setuju dan 3 responden (3%) telah memilih tidak setuju. Hanya segelintir responden yang memilih katogory ini menunjukkan bahawa manfaaat ini agar penting untuk setiap individu. Menurut rajah 9, terdapat 7 responden (6%) memilih kurang pasti, 47 responden (39%) telah memilih setuju dan 61 responden (51%) memilih sangat setuju. Kajian ini telah menunjukan bahawa hampir semua responden setuju tentang individu boleh memperoleh manfaat tersebut jika mengamalkan etika antara kaum. Mereka memandang penting tentang manfaat ini kerana tanggapan yang positif dapat membantu individu dalam kerjaya mereka dan dihormati oleh individu lain.

Akhir sekali, manfaat yang keempat ialah membentuk masyarakat dan keluarga yang berperwatakan yang baik. Berdasarkan rajah 9, hanya 2 responden (2%) memilih sangat tidak setuju, tiada responden (0%) memilih tidak setuju dan 8 responden (7%) telah memilih kurang pasti. Oleh itu, kita boleh dapati manfaat ini memainkan peranan yang amat penting hampir tiada responden memilih tidak setuju. Perwatakan keluarga adalah digantung kepada perbuatan dan sifat setiap individu. Manfaat ini akan membawa impack bukannya kepada diri sahaja tetapi

keluarga juga, oleh itu responden memandang serius terhadap manfaat ini. Terdiri 45 responden (38%) memilih setuju dan 65 responden (54%) telah memilih sangat setuju. Berdasarkan pendapat kajian ini kita boleh mengetahui bahawa responden memandang penting tentang keluarga mereka dan mahu mendapatkan manfaat tersebut supaya memandang tinggi atau mendapat pujian dari orang lain.

2. Kesan sekiranya individu tidak beretika dalam pergaulan seharian



Rajah 10


Rajah 10 di atas adalah kajian mengenai impak terhadap seseorang individu yang tidak beretika dalam pergaulan seharian di Malaysia. Kajian di atas menunjukkan bahawa kebanyakan responden iaitu seramai 56 responden (47%) bersetuju bahawa seseorang individu akan dipandang serong oleh masyarakat sekeliling sekiranya tidak beretika. Ini menunjukkan bahawa sikap dan keperibadian seseorang individu dapat mempengaruhi persepsi orang terhadap seseorang. Sekiranya seseorang individu tidak beretika dan bersikap kasar terhadap orang lain, orang yang tidak dikenali akan mendapat tanggapan buruk terhadap individu tersebut. Oleh itu, semua individu haruslah sentiasa beretika dan berhemah tinggi semasa bergaul dengan orang lain.

Selain itu, seramai 53 responden (44%) bersetuju bahawa seseorang individu akan dipulaukan oleh orang sekeliling. Ini menunjukkan orang yang tidak beretika dan mempunyai personaliti yang buruk akan mendorong orang lain untuk menjauhkan diri mereka daripada orang yang tidak beretika tersebut dan menyebabkan individu tersebut tidak mempunyai rakan yang mereka boleh dipercayai.

Hasil soal selidik daripada 120 responden menunjukkan seramai 46 responden (38%) telah bersetuju bahawa individu yang tidak beretika akan dianggap sebagai sampah masyarakat. Ini membuktikan bahawa etika dan keperibadian seseorang individu memainkan peranan penting dalam memperolehi penghormatan daripada orang sekeliling kerana orang yang tidak beretika tidak akan dapat memperolehi penghormatan daripada orang lain tetapi malah akan dipandang rendah dan dianggap sebagai sampah masyarakat. Manakala, seramai 62 responden (52%) setuju bahawa orang yang tidak beretika akan mewujudkan masalah sosial. Ini menunjukkan bahawa orang yang tidak beretika menyebabkan kes masalah sosial di Malaysia meningkat terutamanya dalam golongan pelajar sekolah dan pelajar universiti kerana majoriti responden berumur dalam lingkungan 11 ke 20 tahun. Berdasarkan kajian yang telah dibuat oleh Zainudin Sharif dan Norazmah Mohamad Roslan iaitu “Faktor-faktor yang Mempengaruhi Remaja Terlibat Dalam Masalah Sosial di Sekolah Tunas Bakti, Sungai Lereh, Melaka” (1 Mac 2011), kebanyakan remaja sering beremosi dan menyebabkan mereka tidak beretika semasa bergaul dengan orang lain seperti bercakap kasar dengan ibu bapa dan orang lain. Oleh sebab golongan remaja yang tidak beretika mempraktikkan tingkah laku ini, golongan tersebut akan menimbulkan masalah apabila emosi tidak stabil terutamanya apabila marah. Akhir sekali, seramai 46 responden (38%) bersetuju individu yang tidak beretika akan merosakkan imej individu sendiri dan imej keluarga. Ini membuktikan bahawa orang luar akan menilai keluarga seseorang berdasarkan sikap dan etika seseorang individu dan ini juga telah membuktikan bahawa maruah ahli keluarga juga akan terjejas akibat perbuatan individu tersebut. Orang yang tidak dikenali akan menilai keluarga individu tersebut dan beranggapan bahawa semua ahli keluarga individu tersebut akan mempunyai sikap yang sama walaupun tidak benar. Selain itu, ibu bapa individu tersebut juga akan dipersalahkan oleh orang ramai kerana tidak pandai mendidik anaknya sendiri sekiranya anaknya tidak beretika dan menyebabkan masalah.

Berdasarkan graf di atas dapat disimpulkan bahawa kesan yang paling ketara sekiranya seseorang individu tidak beretika ialah mewujudkan masalah sosial kerana nilai undi responden yang menjawab setuju dan sangat setuju bagi kesan ini merupakan nilai undian yang tertinggi iaitu seramai 93 orang (78%). Ini membuktikan bahawa orang yang tidak beretika akan lebih senang untuk terjerumus untuk membuat maksiat seperti terlibat dalam penyalahgunaan dadah, lumba motor haram dan lain-lain terutamanya dalam golongan remaja kerana orang yang tidak beretika selalunya tidak berfikir secara rasional lagi ketika hendak membuat sesuatu perkara.

3. Kesan terhadap negara sekiranya masyarakat tidak beretika



Rajah 11

Rajah 11 adalah kajian mengenai kesan terhadap negara Malaysia sekiranya rakyat Malaysia mengamalkan sikap yang tidak beretika. Hasil soal selidik daripada 120 orang responden menunjukkan seramai 53 responden (44%) bersetuju negara Malaysia akan berpecah belah sekiranya masyarakat Malaysia tidak beretika. Ini menunjukkan bahawa orang yang tidak beretika mempunyai kecenderungan untuk bertindak kasar seperti memulakan pergaduhan secara fizikal yang boleh menyebabkan hubungan antara rakyat Malaysia terjejas. Kelakuan seperti itu

boleh mempengaruhi keamanan di Malaysia kerana peperangan antara rakyat Malaysia boleh berlaku sekiranya hal ini tidak dikendalikan dengan betul. Manakala seramai 60 orang (50%) sangat bersetuju bahawa masyarakat yang tidak beretika akan menyebabkan perpaduan antara kaum di Malaysia hapus dan terjejas. Ini membuktikan bahawa rakyat Malaysia yang tidak beretika mempunyai kecenderungan untuk berfikir sempit dan mengamalkan pemikiran zaman dahulu di mana orang zaman dahulu sering mendiskriminasi kaum yang lain. Ini boleh memberi impak negatif yang besar terhadap negara Malaysia kerana Malaysia terkenal dengan kepelbagaian etnik dan kaum. Sekiranya ramai rakyat Malaysia tidak berfikir moden dan masih mendiskriminasi kaum lain, ini akan menyebabkan ketenteraman di Malaysia tidak stabil kerana rakyat yang berbeza etnik dan kaum tidak akan berkerjasama sesama sendiri.



Rajah 11 dirujuk, hasil kajian mendapati seramai 54 responden (45%) sangat setuju bahawa matlamat negara tidak dapat dicapai sekiranya masyarakat Malaysia tidak beretika. Ini menunjukkan etika memainkan peranan penting dalam mencapai sesuatu matlamat kerana orang yang tidak beretika akan kekurangan rasa bertanggungjawab dan orang yang tidak bertanggungjawab selalunya cenderung untuk menjadi malas untuk melakukan sesuatu pekerjaan dan menunda-nunda pekerjaan tersebut dan ini akan menyebabkan usaha untuk memajukan matlamat tersebut bukan yang terbaik. Hal ini akan mempengaruhi kemajuan pencapaian matlamat negara seperti matlamat negara untuk mewujudkan masyarakat saintifik dan progresif berdasarkan Wawasan 2020, Malaysia sebagai Negara Maju. Seterusnya, seramai 49 responden (41%) bersetuju ekonomi negara Malaysia akan merosot akibat masyarakat yang tidak beretika. Ini membuktikan etika boleh mempengaruhi ekonomi negara dan merupakan salah satu faktor penting dalam mengendalikan ekonomi negara. Sekiranya pemimpin dan ahli-ahli perniagaan Malaysia membuat sesuatu yang tidak beretika dalam perniagaan seperti melakukan penipuan atau membuat sesuatu keputusan yang tidak beretika, ekonomi negara Malaysia boleh mengalami kerugian yang besar seperti kejadian Soviet Union pada tahun 1991 di mana Soviet Union telah kehilangan 27 juta akibat peperangan dunia kedua (Robert Strayer, 1998) akibat Soviet Union telah melepaskan pasaran tanpa mewujudkan sistem keadilan dan gagal mewujudkan keadaan untuk pembangunan sosial (Jonathan B. Wight, University of Richmond). Akhir sekali, seramai 49 responden (41%) bersetuju bahawa masyarakat yang tidak beretika boleh menyebabkan Malaysia dianggap sebagai negara kelas ketiga. Ini menandakan cara masyarakat Malaysia bergaul dan berkomunikasi akan mempengaruhi tanggapan dan perspektif

orang luar negara terhadap negara Malaysia. Sekiranya masyarakat Malaysia mempunyai etika yang buruk dan bersikap kasar, orang luar negara yang melancong ke Malaysia akan mendapat tanggapan buruk terhadap rakyat Malaysia di mana masyarakat Malaysia akan dikenali sebagai masyarakat yang tidak beradab dan tidak beretika. Hal ini akan memberi impak negatif kepada negara kerana negara luar akan segan untuk membuat perjanjian perniagaan dengan negara Malaysia akibat nama Malaysia telah tercemar dan telah dianggap sebagai negara kelas ketiga.

Berdasarkan graf di atas dapat disimpulkan bahawa kesan yang paling ketara terhadap negara sekiranya masyarakat Malaysia tidak beretika ialah perpaduan antara kaum akan hapus di mana 109 responden (90%) telah mengundi bahawa responden setuju dan sangat setuju bahawa kesan ini berkemungkinan besar akan berlaku sekiranya masyarakat Malaysia tidak beretika. Ini menandakan bahawa etika memainkan peranan besar dalam memastikan perpaduan antara kaum tidak terjejas dan mengamalkan etika yang baik amat penting untuk dipraktikkan di dalam kehidupan seharian seseorang rakyat Malaysia kerana Malaysia mempunyai banyak jenis kaum dan etnik yang berbeza. Oleh itu, mempunyai hubungan yang baik antara satu sama lain amat penting untuk mengekalkan keamanan dan memajukan Malaysia.


7.4 BAHAGIAN D : CARA MEMBENTUK MASYARAKAT YANG HARMONI

1. Situasi yang boleh menghasilkan masyarakat yang harmoni



Rajah 13


Rajah 13 menunjukkan sebahagian besar responden iaitu sebanyak 57 responden (47.5%) sangat setuju dan 49 responden (40.8%) setuju bahawa memberi salam semasa bertemu dengan lain dapat menghasilkan masyarakat yang harmoni. Terdapat 8.3% responden iaitu 10 orang yang kurang pasti terhadap pernyataan tersebut. 2 orang responden (1.7%) masing-masing tidak setuju dan sangat tidak setuju bahawa memberi salam dapat mewujudkan masyarakat yang harmoni. Bersalaman semasa bertemu akan memberi tanggapan yang baik kepada orang lain. Bagi Islam, umatnya adalah digalakkan untuk mengamalkan sifat mahmudah seperti menghormati sesama manusia termasuklah amalan memberi salam. Amalan memberi salam amat digalakkan dalam kalangan umat Islam kerana amalan ini umpama setaraf dengan sedekah. Umat Islam boleh memberikan ucapan salam selain daripada lafaz “Assalamualaikum” seperti “Selamat pagi” dan selainnya kepada orang bukan Muslim. Ucapan salam ini boleh memberi perasaan mesra kepada orang dan mewujudkan suasana yang harmoni dalam masyarakat.



Rajah 14


Lebih daripada separuh responden iaitu 70 orang (58.3%) sangat setuju bahawa individu yang sentiasa menghulurkan bantuan kepada orang yang memerlukan dapat menghasilkan masyarakat yang harmoni. 41 responden (34.2%) turut setuju dan menyokong bahawa dengan adanya individu yang bersikap baik hati, wujudlah masyarakat yang harmoni. Terdapat 5 responden (4.2%) yang kurang pasti manakala 2 responden (1.7%) tidak setuju dan 2 responden (1.7%) lagi sangat tidak setuju.

Satu contoh teladan yang baik dalam masyarakat kita adalah aktivis kebajikan, Kuan Chee Heng atau lebih dikenali sebagai “*Uncle Kentang*”, yang telah menghulurkan bantuan kepada ramai yang memerlukan tanpa mengira warna kulit walaupun dalam situasi penularan wabak koronavirus di mana ekonomi telah serius diancam. Sebagai seorang bukan Muslim, beliau telah menyediakan van jenazah untuk membantu keluarga orang Islam yang tidak berkemampuan. Perbuatan dan kemurahan hati beliau akan menyebar ke dalam komuniti masyarakat dan mempengaruhi lebih banyak orang untuk berbuat baik. Masyarakat pun berasa sukacita kerana wujudnya individu yang sudi menolong seperti beliau. Hal ini semestinya dapat mengurangkan jurang dan prejudis dalam kalangan masyarakat pelbagai kaum.




Rajah 15

Sebilangan besar responden iaitu 68 orang (56.7%) dan 44 orang (36.7%) masing-masing sangat setuju dan setuju bahawa ibu bapa harus memupuk sikap kejiiran kepada anak sejak kecil supaya masyarakat harmoni dapat diwujudkan. 5 responden (4.2%) kurang pasti terhadap pernyataan tersebut. Hanya seorang responden (0.8%) yang tidak setuju dan dua responden (1.7%) yang sangat tidak setuju bahawa penerapan sikap kejiiran anak sejak kecil dapat mewujudkan keharmonian dalam masyarakat. Jelaslah bahawa semangat kejiiran amat penting dan haruslah dipupuk sejak anak-anak kecil lagi. Jika anak-anak dapat menyemai semangat kejiiran dalam diri mereka, sikap ini akan menjadi tabiat yang akan kekal dalam diri mereka selama berpuluh-puluh tahun yang akan datang. Mereka akan tolong-menolong dan menghormati setiap lapisan masyarakat tanpa mengira kaum dan bangsa.



Rajah 16


Sebanyak 45.0% responden iaitu 54 orang sangat setuju bahawa masyarakat yang harmoni dapat diwujudkan sekiranya masyarakat tempatan sentiasa menganjurkan majlis rumah terbuka. 43.3% responden yang lain bersamaan 52 orang juga setuju dengan pernyataan ini. Seramai 9 responden (7.5%) yang kurang pasti terhadap keberkesanan situasi ini dalam menghasilkan masyarakat yang harmoni. 3 orang responden (2.5%) tidak setuju manakala 2 orang responden (1.7%) sangat tidak setuju bahawa masyarakat akan harmoni melalui majlis rumah terbuka. Rumah terbuka merupakan suatu kebiasaan semasa sambutan perayaan di negara kita di mana masyarakat dijemput menghadiri walaupun berbeza kaum dan agama. Rumah terbuka menjadi salah satu platform bagi masyarakat berbilang kaum untuk berkumpul di bawah satu bumbung. Rakyat juga dapat mengenali budaya kaum lain dari segi makanan, pakaian dan kebudayaan melalui rumah terbuka. Tradisi ini bukan sahaja mengeratkan silaturahim sesama jiran, tetapi juga mengeratkan perpaduan antara pelbagai kaum.



Rajah 17

Responden ditanya jika situasi di mana institusi pendidikan menjadikan Bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar utama dapat menghasilkan masyarakat yang harmoni. Hasil tinjauan menunjukkan 40 responden (33.3%) sangat setuju dan 47 responden (39.2%) setuju dengan pernyataan tersebut. Bahasa Malaysia sebagai bahasa kebangsaan negara kita menjadi alat komunikasi dan medium untuk mencapai perpaduan masyarakat. Masyarakat dapat meningkatkan kefasihan bertutur dalam Bahasa Malaysia dan dapat bergaul menggunakan satu bahasa yang sama iaitu Bahasa Malaysia walaupun berbeza kaum. Tiada orang akan rasa diabaikan kerana tidak faham bahasa kaum lain.


Sebahagian responden iaitu 20 orang (16.7%) pula kurang pasti terhadap pengaruh Bahasa Malaysia dalam institusi pendidikan. Terdapat juga 6 responden (5.0%) yang tidak setuju dan 7 responden (5.8%) yang sangat tidak setuju bahawa Bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar utama dapat mengharmonikan masyarakat. Hal ini mungkin disebabkan kaum lain yang ingin memelihara bahasa ibunda mereka. Dalam konteks ini, dasar pendidikan perlu digubal supaya meningkatkan kegunaan Bahasa Malaysia di institusi pendidikan tetapi tidak memudaratkan bahasa ibunda kaum lain pada masa yang sama.




Rajah 18

Majoriti responden iaitu 57 orang (47.5%) sangat setuju dan 46 orang (38.3%) setuju bahawa pihak kerajaan mengadakan kempen serta aktiviti kemasyarakatan dapat menghasilkan masyarakat harmoni. Responden yang kurang pasti dan kurang yakin terhadap situasi ini mencatatkan 12 orang bersamaan 10.0% daripada jumlah responden. 3 responden (2.5%) tidak setuju manakala 2 responden (1.7%) sangat tidak setuju bahawa aktiviti kemasyarakatan yang dijalankan oleh pihak kerajaan dapat mewujudkan masyarakat yang harmoni. Aktiviti kemasyarakatan terutamanya aktiviti gotong-royong melibatkan masyarakat pelbagai kaum. Aktiviti tersebut dapat memupuk kerjasama dan semangat tolong-menolong antara satu sama lain untuk menyempurnakan kerja. Bekas Menteri Wilayah Persekutuan, Khalid Abdul Samad turut menegur supaya memperbanyakkan aktiviti perpaduan untuk menghalang usaha pihak yang ingin mencetuskan provokasi kaum. Tegasnya, aktiviti kemasyarakatan memang dapat membantu mewujudkan masyarakat yang harmoni.

2. Cara menunjukkan etika yang baik dalam hubungan antara kaum demi mencapai masyarakat yang harmoni




Rajah 19



Rajah 20


Rajah 20 menunjukkan sebilangan besar responden iaitu 67 orang (55.8%) sangat setuju serta 38 orang (31.7%) setuju bahawa mereka dapat mencapai masyarakat yang harmoni dengan menjauhkan diri daripada perbuatan yang boleh mencetuskan provokasi kaum. 3 responden (2.5%) dan 4 responden (3.3%) pula berpendapat berlainan kerana telah masing-masing memilih tidak setuju dan sangat tidak bersetuju. 8 orang responden (6.7%) yang lain kurang pasti akan persoalan tersebut.

Pada tahun-tahun kebelakangan ini, media sosial telah menjadi medium untuk menyebarkan maklumat dengan cepat dalam kalangan masyarakat. Namun, munculnya golongan yang mengambil kesempatan untuk mencetuskan provokasi kaum. Mereka menyebarkan maklumat palsu dan pos-pos yang bersifat perkauman di media sosial yang boleh mempengaruhi minda masyarakat. Seseorang individu hendaklah mempunyai kesedaran yang tinggi supaya tidak melibatkan diri atau terjerumus ke dalam perangkap ini yang boleh mencetuskan pergaduhan. Bekas Perdana Menteri Malaysia, Tun Dr Mahathir Mohamad pernah mengatakan bahawa sekiranya tiada keamanan, banyak wang akan dihabiskan akibat pemusuhan dan kecederaan, sudah tentulah negara kita tidak dapat dimajukan.




Rajah 21

Majoriti responden telah memilih setuju dan sangat setuju bagi individu yang tidak mengkritik pakaian kaum lain yang mencatatkan 68 responden (56.7%) dan 40 responden (33.3%) masing-masing. 5 responden (4.2%) kurang pasti akan kesannya terhadap keharmonian masyarakat. 4 orang responden (3.3%) pula tidak setuju dan 3 orang responden (2.5%) sangat tidak setuju terhadap pernyataan tersebut. Setiap kaum di negara kita mempunyai budayanya yang tersendiri. Salah satunya adalah pakaian tradisi dan kita sepatutnya tidak mengkritik pakaian kaum lain. Tentulah masyarakat akan merasa tersinggung apabila pakaian tradisi mereka dikritik oleh masyarakat lain. Hal ini boleh mengakibatkan pertelingkahan dan memecahbelahkan perpaduan antara kaum. Oleh itu, masyarakat haruslah bertoleransi dan menghormati antara satu sama lain dari segi perbezaan budaya untuk menghasilkan masyarakat yang harmoni.



Rajah 22


Sebanyak 60.0% responden iaitu 72 orang sangat setuju bahawa ibu bapa menjadi teladan baik dengan bergaul sesama kaum lain dapat membantu mencapai masyarakat yang harmoni. 32.5% responden iaitu 39 orang turut setuju dan 6 responden (5.0%) kurang pasti terhadapnya. Pernyataan ini juga tidak disetujui oleh 2 responden (1.7%) dan sangat tidak disetujui oleh seorang responden (0.8%). Pepatah Melayu juga mengatakan “bagaimana acuan begitulah kuihnya”. Jelaslah bahawa kelakuan anak akan mengikuti dan mudah dipengaruhi oleh baka ibu bapa kerana ibu bapalah orang yang paling dekat dengan anak. Jika ibu bapa sentiasa bergaul sesama kaum lain, maka anak mereka juga akan suka bergaul dengan kaum lain. Tegasnya, ibu bapa memainkan peranan yang penting dalam menanamkan semangat muafakat antara kaum dalam anak-anak mereka sejak kecil lagi. Ibu bapa sepatutnya menggalakan anak-anak bergaul dengan kaum lain agar mereka menyedari kepentingan keharmonian masyarakat majmuk di negara kita.



Rajah 23

Masyarakat meraikan perayaan kaum lain bersama-sama adalah disetujui 43 responden (35.8%) dan sangat disetujui oleh 65 responden (54.2%) untuk mewujudkan masyarakat yang harmoni. Terdapat 9 orang responden (7.5%) yang memilih kurang pasti manakala 2 orang responden (1.7%) tidak setuju dan seorang responden (0.8%) yang sangat tidak setuju terhadap pernyataan tersebut.


Pernyataan tersebut turut disokong oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri di mana mesyuarat Jemaah Menteri pada 15 Januari 2020 bersetuju bahawa pelbagai perayaan berasaskan kebudayaan harus disambutkan dan disertai oleh setiap lapisan rakyat Malaysia sebagai petanda baik sebuah masyarakat yang bersatu padu. Umat Islam turut digalakkan dan tidak perlu bimbang untuk meraikan sambutan perayaan masyarakat bukan Islam. Kaum bukan Cina boleh menyambut Tahun Baru Cina, kaum bukan Melayu boleh meraikan Hari Raya, kaum bukan India boleh menyambut Hari Deepavali, jangan melupakan Hari Kristmas, Hari Gawai dan sebagainya. Penglibatan semua rakyat dalam pelbagai perayaan tanpa mengira kaum dan agama pasti akan mengeratkan pemahaman dan silaturahim antara masyarakat berbilang kaum.



Rajah 24

Seramai 64 responden (53.3%) dan 44 responden (36.7) telah masing-masing memilih sangat setuju dan setuju bagi institusi pendidikan untuk mengajar pelajar tentang adat resam setiap kaum dalam usaha mewujudkan masyarakat harmoni. Hanya 2 responden (1.7%) tidak setuju dan seorang responden (0.8%) sangat tidak setuju manakala 9 responden (7.5%) pula kurang pasti akan pernyataan tersebut.

Daripada hasil tinjauan Bahagian B soal selidik tersebut boleh dinampak lebih daripada separuh responden kurang pasti dan tidak setuju bahawa mereka mempunyai tahap pengetahuan yang tinggi terhadap budaya agama lain. Sebuah kaji selidik lagi menunjukkan 16% iaitu satu daripada enam orang rakyat Malaysia tidak tahu tentang budaya agama lain dan tidak berminat untuk mengambil tahu tentangnya. Ketidakhahaman budaya lain inilah yang menjadi punca perselisihan faham dan syak wasangka antara kaum dan mungkin menimbulkan pergaduhan yang lebih besar. Oleh itu, institusi pendidikan haruslah membuka peluang kepada pelajar untuk mempelajari budaya dan adat resam agama lain dengan konsep yang betul sejak di bangku sekolah lagi. Jika masyarakat mempunyai kesempatan untuk memahami dan menerima budaya lain, kita dapat hidup bersama dalam suasana yang harmoni.



Rajah 25

Bagi inisiatif pihak kerajaan mengimbangkan taraf sosioekonomi antara kaum demi mencapai masyarakat harmoni, sebahagian besar responden berpandangan positif terhadapnya dengan 63 orang (52.5%) sangat setuju dan 43 orang (35.8%) memilih setuju. Kedua-dua bilangan responden yang tidak setuju dan sangat tidak setuju mencatatkan 2 orang responden (1.7%). Terdapat juga 10 responden (8.3%) yang kurang pasti dan berpandangan neutral.

Pihak kerajaan telah berusaha meningkatkan taraf sosioekonomi rakyat terutamanya golongan isi rumah B40 dan Orang Asli. Pada tahun 2019, kerajaan telah menyalurkan sejumlah peruntukan bagi program yang pembangunan infrastruktur, ekonomi dan keusahawanan untuk Orang Asli. Perkara ini diharapkan dapat mengurangkan kadar kemiskinan dan jurang pendapatan antara kaum dan rakyat. Jika taraf hidup rakyat dapat ditingkatkan, gejala sosial serta jenayah akibat kemiskinan tidak akan berlaku dan keharmonian dapat diwujudkan dalam masyarakat.

9.0 KESIMPULAN

Kesimpulannya, masalah etika antara kaum bukanlah sekadar isu masyarakat sahaja, tetapi ia juga akan membawa impak yang serius kepada nama, imej serta sosial-ekonomi di negara kita.

Dalam pergaulan seharian kita haruslah saling menghormati terutamanya orang tua. Kita juga perlulah bersikap ramah tamah serta sopan santun kerana dengan sikap ini kita dapat berkomunikasi secara berkesan dengan individu lain.

Seterusnya, kita perlulah memperhatikan kesopanan semua bidang dalam pergaulan seharian. Contohnya, kita mestilah menjaga tata cara semasa bercakap dengan golongan masyarakat yang berbesa sebab setiap golongan mempunyai corak pemikiran yang berbesa. Selain itu, etika dalam pakaian dan memandang juga perlu dijaga demi mewujudkan etika hubungan antara kaum di Malaysia.

Sehubungan dengan itu, pihak kerajaan perlu menjalankan aktiviti yang boleh mengeratkan hubungan antara kaum bagi memastikan masyarakat yang harmoni. Kempen kesedaran juga memainkan peranan yang penting dalam menghasilkan masyarakat yang beretika. Oleh itu, masyarakat harus keluar dari zon selesa dan cuba berinteraksi dengan kaum lain demi menjamin etika antara kaum di Malaysia.

8.0 RUJUKAN

- Aidila Razak. (2019, Ogos 28). Satu dari 6 rakyat M'sia tak tahu, tak peduli agama dan budaya lain. Malaysiakini. <https://www.malaysiakini.com/news/489746>
- Baharuddin, P., Ahmad, Z., Talib, A., & Aminarrashid, E. (2014, January 01). (PDF) KAJIAN ISU DAN CABARAN HUBUNGAN ANTARA PENGANUT AGAMA DI MALAYSIA. Retrieved November 21, 2020, from https://www.researchgate.net/publication/288827698_KAJIAN_ISU_DAN_CABARAN_HUBUNGAN_ANTARA_PENGANUT_AGAMA_DI_MALAYSIA
- Bernama. (2018, November 10). Pelbagai kaum sambut perayaan bersama, petanda baik untuk negara - Tun Mahathir. Astro Awani. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/pelbagai-kaum-sambut-perayaan-bersama-petanda-baik-untuk-negara-tun-mahathir-190695>
- Edris, S. (2020, November 25). *Golongan muda perlu ada sikap ambil tahu budaya sendiri*. Retrieved from Utusan Borneo Online: <https://www.utusanborneo.com.my/2018/05/06/golongan-muda-perlu-ada-sikap-ambil-tahu-budaya-sendiri>
- InRed, F. (1970, January 01). CASE STUDY (Kes Buli). Retrieved November 23, 2020, from <http://naddnuts.blogspot.com/2013/06/case-study-kes-buli.html>
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. (2015, April 23). Kelebihan Memberi Salam. <http://www.islam.gov.my/e-hadith/287-kelebihan-memberi-salam>
- Jabatan Kemajuan Orang Asli. (2020, September 23). Pembangunan SosioEkonomi. <https://www.jakoa.gov.my/pembangunan-ekonomi/>
- Journal of Education Psychology & Counseling. (Mac 2011). *Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Remaja Terlibat Dalam Masalah Sosial Di Sekolah Tunas Bakti, Sungai Lereh, Melaka*. Vol 1. <http://eprints.utm.my/id/eprint/12174/1/JEPC-2011-1-007.pdf>

Latif, H. H. (2008). Islam dalam Perlembagaan Malaysia: Kewajarannya berdasarkan Faktor. *REKAYASA – Journal of ethics, legal and governance Vol. 4, 4*.

Mahidin, D. S. (2020, Julai 15). *Anggaran Penduduk Semasa, Malaysia, 2020*. Retrieved from Portal Rasmi Jabatan Perangkaan Malaysia:
https://www.dosm.gov.my/v1/index.php?r=column/cthemByCat&cat=155&bul_id=OVByWjg5YkQ3MWFZRTN5bDJiaEVhZz09&menu_id=L0pheU43NWJwRWVSZklWdzQ4TlhUUT09

National Council on Economic Education, New York, N.Y. *Teaching the Ethical Foundations of Economics. Why Ethics is Important to Economics*.
<https://facultystaff.richmond.edu/~jwight/NCEE/Chapters%20PDFs/introduction&userid=ide.pdf>

Norafiza Jaafar. (2020, Januari 13). Aktiviti perpaduan perlu diperbanyak elak perpecahan kaum. Sinar Harian. <https://www.sinarharian.com.my/article/65701/BERITA/Nasional/Aktiviti-perpaduan-perlu-diperbanyak-elak-perpecahan-kaum>

Oon, P. M. (2012, April 20). *Menjalinkan Persahabatan*. Retrieved from Portal Rasmi MyHEALTH Kementerian Kesihatan Malaysia:
<http://www.myhealth.gov.my/menjalinkan-persahabatan/>

Pejabat Perdana Menteri Malaysia Laman Web Rasmi. *Malaysia sebagai Negara Maju*.
<https://www.pmo.gov.my/ms/wawasan-2020/malaysia-sebagai-negara-maju/#>

Rajak, R. H. (2019, September 2). *Tiga sahabat beza kaum tapi sekepala*. Retrieved from Sinar Harian: <https://www.sinarharian.com.my/article/46183/KHAS/>

Ramle, M. R., & Alhadri, A. L. (2018). Hukum Memberi dan Menjawab Salam Orang Bukan Islam. *Sains Humanika*, 10(3-4).

Reporter, F. (2020, January 2). Kajian dapati pekerja Malaysia rasa lebih terpinggir akibat diskriminasi kaum. Retrieved November 24, 2020, from <https://www.msn.com/en-my/news/berita/kajian-dapati-pekerja-malaysia-rasa-lebih-terpinggir-akibat-diskriminasi-kaum/ar-BBYwSS6>

Robert Strayer. (1998). *Why Did the Soviet Union Collapse? Understanding Historical Change*. Armonk, New York. M. E. Sharpe, Inc.

https://books.google.com.my/books?hl=en&lr=&id=5CqQGJPXONYC&oi=fnd&pg=PP11&dq=soviet+union+collapse&ots=jOgdOfIP6_&sig=DJsBBRErsm0ugYQ05A2b0EtBlk&redir_esc=y#v=onepage&q=soviet%20union%20collapse&f=false

Sallehudin, S. B. (2013, Disember 16). *Memahami Individu yang Sensitif*. Retrieved from Portal Rasmi MyHEALTH Kementerian Kesihatan Malaysia:

<http://www.myhealth.gov.my/memahami-individu-yang-sensitif/>

Sayuti, R., & M. (2008). KAJIAN HUBUNGAN KAUM DI KALANGAN PELAJAR.

Retrieved November 22, 2020, from <http://repo.uum.edu.my/1833/1/19.pdf>

Sri Nawatmi. (April 2010). *Etika Bisnis dalam Perspektif Islam*. Vol. 9.

Universitas Stibubank, Semarang. Fokus Ekonomi (FE).

https://d1wqtxts1xzle7.cloudfront.net/35289747/etika_bisnis.pdf?1414376983=&response-content-disposition=inline%3B+filename%3DETIKA_BISNIS_DALAM_PERSPEKTIF_ISLAM.pdf&Expires=1606474111&Signature=KMf36NLNjxjQO4UphWUo4E9qq9uQ-cb5FXzIevexWd~fA7awkPWCdtsA65OJKx8zOFEdM-OVffbt3F-qF6qwNqdZI8dLq~7r-B7Mcg8PgX9kqO8omQ0PDjnWnyQEOoaHgltf94~6PB3icXJlxeP1CJRkvzy41j3xXcsn CtswWVYJd9HpNwL-BhQDzv5vvezfDoIgbmt3wBEmQluxA1wS1PjBM9YdEOPAExz6Vn4NiCiZIL5VW6vZsdU--yvaPOKtETZxjP0R3NVCMWQL2Y0gw5JG2D6CDnlzx41ydI1BULOm6ZJsauxIPWDS1bKZ6Uki7APUBsiE7fABpP3es1G1S1Q_&Key-Pair-Id=APKAJLOHF5GGSLRBV4ZA

Student, N. (2005). KAJIAN MENGENAI HUBUNGAN ETNIK DAN INTEGRASI

NASIONAL. Retrieved November 21, 2020, from

https://www.academia.edu/24646640/KAJIAN_MENGENAI_HUBUNGAN_ETNIK_DAN_INTEGRASI_NASIONAL

LAMPIRAN

Contoh borang soal selidik yang telah diedarkan kepada responden untuk mendapat maklumat yang dikehendaki.

Penyelidikan tentang Etika dalam Hubungan antara kaum di Malaysia

Salam sejahtera kepada semua responden, forum ini adalah kajian kumpulan 1 tentang subjek penghayatan etika dan peradaban. Harapkan responden boleh meluangkan satu minit untuk menjawab soalan dibawah.

Bahagian A : Demografi responden

* Required

Jantina *

☐ Lelaki

☐ Perempuan

Agama *

☐ Islam

☐ Buddha

☐ Hindu

☐ Kristian

☐ Other: _____

Bangsa *

☐ Melayu

☐ Cina

☐ Islam

☐ Buddha

☐ Hindu

☐ Kristian

☐ Other: _____

Bangsa *

☐ Melayu

☐ Cina

☐ India

☐ Other: _____

Umur *

☐ 11-20 tahun

☐ 21-30 tahun

☐ 31-40 tahun

☐ 41-50 tahun

☐ 51 tahun ke atas

Next

Penyelidikan tentang Etika dalam Hubungan antara kaum di Malaysia

* Required

Penyelidikan tentang Etika dalam Hubungan antara kaum di Malaysia

Bahagian B : Masalah etika antara kaum

5-Sangat setuju

4-Setuju

3-Kurang pasti

2-Tidak setuju

1-Sangat tidak setuju

1.Adakah anda setuju bahawa etika pergaulan masyarakat merupakan faktor penting dalam menghasilkan masyarakat yang damai? *

☐ Ya

☐ Tidak

2.Adakah anda berasa selesa semasa berkomunikasi dengan kaum lain? *

1 2 3 4 5

☐ ☐ ☐ ☐ ☐

3.Adakah anda mempunyai tahap pengetahuan yang tinggi terhadap agama dan budaya lain?

1 2 3 4 5

☐ ☐ ☐ ☐ ☐

☐ Etika kerajinan dan kepunahan

☐ Etika kesihatan dan keselamatan

☐ Etika kepercayaan

☐ Etika kelahiran

*
Apakah etika yang paling penting dalam masyarakat Malaysia?
Etika etika masyarakat bersejarah yang penting dalam masyarakat bersejarah

☐ Other: _____

☐ kebersihan diri dan bawak kebersihan

☐ Persekitaran dan kelahiran

☐ kelahiran manusia berbudaya

☐ Gaji dan tenaga manusia kaum

*
Apakah etika yang anda anggap penting dalam masyarakat kita?

1 2 3 4 5

dan kaum dengan anda? *

Apakah etika yang penting untuk bersejarah dengan orang yang bersejarah bersejarah

6. Pada pendapat anda, apakah cabaran yang dihadapi oleh pihak berkuasa untuk mempertingkatkan etika pergaulan masyarakat? *

- ☐ Ketidakstabilan politik
- ☐ Kekurangan sumber manusia
- ☐ Rakyat yang tidak perpaduan
- ☐ Laman sosial dan media massa

7. Apakah cara untuk memupuk etika yg baik dalam pergaulan seharian masyarakat? *

- ☐ Melalui kempen kesedaran
- ☐ Melalui pengaruh keluarga
- ☐ Memupuk sikap kejiwaan sejak kecil
- ☐ Menganjurkan majlis rumah terbuka

8. Apakah kepentingan bagi seseorang individu untuk bergaul dengan masyarakat sekeliling? *

- ☐ Untuk menghasilkan masyarakat yang harmoni
- ☐ Memupuk semangat patriotik antara kaum
- ☐ Menjauhkan diri daripada fikiran negatif
- ☐ Dapat mengekalkan kesihatan fizikal dan mental diri pada keadaan yang baik

9. Apakah kesan yang boleh berlaku akibat konflik masyarakat? *

- ☐ Masyarakat tidak akan bergaul sesama sendiri

- ☐ Rakyat yang tidak perpaduan
- ☐ Laman sosial dan media massa

7. Apakah cara untuk memupuk etika yg baik dalam pergaulan seharian masyarakat? *

- ☐ Melalui kempen kesedaran
- ☐ Melalui pengaruh keluarga
- ☐ Memupuk sikap kejiwaan sejak kecil
- ☐ Menganjurkan majlis rumah terbuka

8. Apakah kepentingan bagi seseorang individu untuk bergaul dengan masyarakat sekeliling? *

- ☐ Untuk menghasilkan masyarakat yang harmoni
- ☐ Memupuk semangat patriotik antara kaum
- ☐ Menjauhkan diri daripada fikiran negatif
- ☐ Dapat mengekalkan kesihatan fizikal dan mental diri pada keadaan yang baik

9. Apakah kesan yang boleh berlaku akibat konflik masyarakat? *


- ☐ Masyarakat tidak akan bergaul sesama sendiri
- ☐ Masyarakat akan tidak peduli dan membantu antara satu sama lain
- ☐ Negara akan dipandang rendah oleh negara lain
- ☐ Masalah sosial akan meningkat

Back
Submit

Jumlah responden yang telah menjawab soal selidik





Jantina

120 responses



● Lelaki
● Perempuan

Berikut merupakan bukti-bukti ahli kumpulan serahkan soalan soal selidik melalui *Whatsapp*.



Gambar di bawah menunjukkan ahli kumpulan sedang membuat perbincangan dan membahagi tugas dengan menggunakan *Google meet*.

